



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16/01/2018

# 4 khabar gembira buat pesara PDRM

BH-16/1/2018  
Pg. 3

→ RM3 juta setahun diperuntuk jaga kebajikan pesara, keluarga

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak, semalam mengumumkan empat khabar gembira buat 123,000 pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Perdana Menteri berkata, mulai tahun ini, kerajaan menyalurkan peruntukan RM3 juta setahun, selama tiga tahun untuk Tabung Amanah Warisan PDRM bagi menjaga kebajikan pesara polis dan keluarga mereka.

Kerajaan juga, katanya, memberi kuota khas menunaikan haji untuk pesara polis dengan jumlah kuota akan diumumkan selepas mendapat isyarat daripada Penjaga Dua Kota Suci, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud.

## Kuota khas rumah

Selain itu, Najib berkata, pesara polis juga akan menerima kuota khas rumah menerusi skim Rumah Mampu Milik Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)-PDRM.

“Seterusnya, Unit Hal-ehwal Veteran Polis disusun semula dan cawangannya dibuka di setiap negeri,” katanya ketika berucap pada majlis Perjumpaan Pesara-Pesara Polis Bersama Perdana Menteri di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun; Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Noor Rashid Ibrahim dan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar yang juga Pengerusi The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP).

Dalam pada itu, Najib turut mengarahkan Mohamad Fuzi melihat semula kumpulan pesara polis yang belum menerima pengiktirafan atas jasa dan pengorbanan kepada negara.

“Bukanlah mereka berjuang kerana pingat, tetapi pengiktirafan. Tan Sri Fuzi, sila lihat

semula kumpulan pesara di bawah radar ini, supaya mereka diberikan pingat,” katanya.

Najib turut mengingatkan pesara polis supaya tidak menjadi musuh dalam selimut, mendedahkan rahsia negara kepada musuh yang disifatkannya sebagai amat berbahaya kepada negara.

## Perlu disiplin, kesetiaan

“Jangan ada musuh dalam selimut. Kalau ada sikap seumpama itu, kikis kerana akan menyebabkan anggota di kiri dan kanan dalam bahaya. Perlu ada disiplin dan kesetiaan kepada agama, negara dan rakyat,” katanya.

Najib juga berharap pesara polis terus menyokong kerajaan kerana mereka secara berterusan diperlukan oleh negara.

“Jangan ikut sebelah sana (pembangkang) yang hanya mengarut, melalut tak bersatu, tiada ideologi. Sebelah sana (pembangkang) tiada ideologi, sebelah sini (kerajaan) ada.

“Jangan membebel tak tentu arah, balik buat kerja atau duduk dalam surau, doakan keselamatan dan kestabilan negara. Jangan pula jadi macam seorang itu, umur sudah 93 tahun, tidak mahu bersara,” katanya.